

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)10

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

10. Senaraikan 10 negara teratas bagi ketibaan pelancong antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi tahun 2025, dan bandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 2023 dan 2024.
- (a) Apakah pasaran yang berpotensi untuk perkembangan yang lebih lanjut pada masa hadapan?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Senarai 10 negara teratas bagi ketibaan pelancong antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi tahun 2025, dan perbandingan dengan tempoh yang sama bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi soalan lisan.
- (a) Pasaran yang berpotensi untuk diteroka bagi perkembangan yang lebih lanjut pada masa

hadapan ialah negara China, India, Asia Tenggara,
Australia, Timur Tengah, Korea dan Jepun.

LAMPIRAN A

JADUAL: 10 WARGANEGARA DENGAN KETIBAAN TERTINGGI MELALUI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG (JAN – SEP) 2023 – 2025

BIL	NEGARA	2023 (Jan– Sep)	2024 (Jan–Sep)	2025 (Jan–Sep)	Perubahan 2023→2025 (%)
1	Indonesia	253,307	277,533	284,364	12.3%
2	China	26,056	84,947	161,599	520.2%
3	Singapura	132,664	123,965	116,442	-12.2%
4	Taiwan	25,970	32,105	32,830	26.4%
5	Thailand	15,706	22,171	23,491	49.6%
6	India	5,501	7,956	18,984	245.1%
7	Amerika Syarikat	15,689	15,709	17,569	12.0%
8	United Kingdom	11,080	14,152	15,972	44.2%
9	Australia	12,290	12,752	15,449	25.7%
10	Jepun	9,483	11,024	13,405	41.4%

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Pulau Pinang (Dikemaskini 10 Oktober 2025)